

11 AUG 1998

Lim-CPF

LIM SERAH PADA PM DAN GOH UNTUK SELESAI ISU CPF

SEREMBAN, 11 Ogos (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Singapura Goh Chok Tong untuk menyelesaikan soal pengeluaran wang caruman rakyat Malaysia daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) republik itu.

Menterinya Datuk Lim Ah Lek berkata beliau telah menulis surat kepada rakan sejawatannya di Singapura Dr Lee Boon Yang mengenai perkara itu dan Lee telah membalasnya.

Lim bagaimanapun tidak mengulas lebih lanjut mengenainya.

"Kini terpulanglah kepada pihak paling tinggi dan saya berharap Singapura akan bersimpati dengan pekerja terbabit kerana wang itu milik mereka. Jadi saya harap pihak Singapura akan meneliti isu ini dengan positif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya mengenai perkembangan terbaru berhubung isu CPF itu semasa ditemui selepas merasmikan Pertandingan Wusyu dan Tarian Singa Negeri Sembilan di sini malam tadi.

Menurut Lim, setakat ini CPF memegang S\$1 bilion wang caruman rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

Lim berkata; "Saya pasti isu ini akan dibincangkan oleh Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong. Tetapi bagaimana tindak balasnya terpulanglah pada Singapura... bukan pada kita. Kita hanya membuat rayuan kerana kita berasa mereka tidak sepatutnya melakukan diskriminasi."

Beliau mempersoalkan kenapa pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan wang caruman CPF mereka setelah habis bekerja di republik itu, tetapi tidak demikian bagi mereka yang datang dari Semenanjung Malaysia.

Mengikut peraturan CPF, pekerja dari Semenanjung Malaysia yang tidak lagi bekerja di Singapura hanya dibenarkan mengeluarkan wang caruman mereka apabila mencapai umur 55 tahun.

"Saya pasti Singapura akan dapat memberi pertimbangan kepada rayuan kita. Wang itu bukan milik kerajaan, dan bukan juga milik kerajaan Singapura -- ia milik pekerja kita," kata Lim.

-- BERNAMA

RP RHM